

Qalam

Bilangan 81 Ramadhan 1376 April 1957 60 sen

Dewan Bahasa dan Pustaka

Terbit daripada keputusan Kongres Bahasa yang ketiga yang telah diadakan di Singapura, lebih kurang lapan bulan yang lalu, maka tertubuhlah dengan disetujui oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka yang diharapkan akan membawa perkembangan yang luas di dalam usaha-usaha menguatkan perkembangan bahasa Melayu di Singapura dan di seluruh Tanah Melayu.

Banyak tugas-tugas yang ditentukan oleh kongres itu, di antaranya yang suka kita mengambil perhatian ialah, tentang kerjasama dengan penerbit-penerbit Melayu. Sesudah sahaja tamat kongres itu maka Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan iklan-iklannya meminta supaya pengarang-pengarang Melayu menghantarkan karangan-karangannya, untuk diterbitkan atau dihalusi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, yang kemudiannya akan dicetak dan diterbitkan bagi keperluan-keperluan masyarakat umumnya.

Sekali imbas langkah-langkah itu adalah suatu langkah yang baik untuk menggalakkan pengarang-pengarang lebih cergas dalam mengarang, dan memberi harapan kepada pengarang-pengarang itu supaya 'saguhati' karangan-karangannya akan mendapat penghargaan yang lebih tinggi daripada apa yang ada pada masa itu. Dengan anjuran-anjuran ini bertubi-tubilah karangan yang dihantar, tetapi hingga sekarang, alangkah hampunya

pengarang-pengarang itu kerana bukunya tidak juga keluar walau sebuah pun, yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlari sebelum berdiri itu.

Kepada penerbitan-penerbitan Melayu nampak dan jelas bahawa cara kerja yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu, seakan-akan membuat suatu langkah untuk memonopoli pengarang-pengarang dengan memberi harapan-harapan yang besar kepada mereka, sebelum lagi Dewan Bahasa dan Pustaka itu mempunyai kebolehan dan kelayakan menjalankan kerja yang dibuat untuk perkembangan bahasa di dalam masyarakat.

Langkah-langkah yang dijalankan itu sudah terang dan nyata adalah suatu langkah yang bersifat 'membunuh' penerbitan-penerbitan Melayu – bukannya sahaja menjauhkan daripada bekerjasama dengan penerbitan-penerbitan Melayu bahkan mengumpun kepada pengarang-pengarang dan menggalakkan kepada pengarang-pengarang menghantarkan karangannya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang bermakna Dewan Bahasa dan Pustaka bercita-cita supaya semua pengarang-pengarang Melayu terpengaruh di bawahnya, dan ia nanti akan menerbitkan satu-persatu, yang tentunya dengan perlahan-perlahan, buku-buku yang "dikehendaki oleh masyarakat". Pada hal masyarakat sekarang menghendaki buku-buku yang banyak untuk mengajar perkembangan bahasa Melayu pada masa akan datang.

Melihat keadaan-keadaan ini kita berasa syak dan waham: Apakah berdirinya Dewan Bahasa dan Pustaka itu sebenarnya bermanfaat kelak kepada perkembangan bahasa Melayu atau adakah ia, dengan langkah-langkah yang ada, akan dijadikan suatu alat untuk menggalang bahasa Melayu berkembang dengan merebak dan lebih luas lagi? Kita katakan begitu kerana kalau hanyalah Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja yang menerbitkan buku-buku Melayu dengan membelakangkan sama sekali jasa-jasa dan kebolehan penerbitan Melayu, maka dalam setahun barangkali tidak ada lima puluh buah buku yang akan dapat diterbitkan oleh mereka.

Kesannya tentulah masyarakat terharap-harap dan hampa. Kita suka berkata terus-terang bahawa cara pelaksanaan yang demikian itu mesti disyak oleh umat Melayu dan kita mengharap supaya jawatankuasa tetap kongres memerhatikan gerak-gerak itu sebab jawatankuasa kongres itu bertanggungjawab di atas pelaksanaan keputusan-keputusan kongres yang telah ditetapkan itu.

Kita menyertai pendapat Kesatuan Penerbit-Penerbit Melayu di dalam memorendumnya di dalam kongres itu yang mengharap bahawa kerjasama yang rapat diantara kerajaan dan penerbit-penerbit Melayu hendak dirapatkan lebih-lebih lagi . Tidak ada ertinya perkataan yang diumumkan oleh Ketua Dewan Bahasa dan Pustaka itu yang mengatakan bahawa “satu daripada tujuan-tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah bekerjasama dan kalau perlu membantu kemajuan perusahaan penerbit-penerbit Melayu”. Macam mana bekerjasama – kalau sekiranya langkah yang dijalankan sudah boleh disifatkan “memonopoli” segala karangan-karangan bangsa Melayu. Macam mana “kalau perlu membantu kemajuan usaha-usaha penerbit Melayu” kalau Dewan Bahasa dan Pustaka itu tidak menyasat dan tidak mahu ambil tahu perkembangan-perkembangan usaha-usaha penerbit-penerbit Melayu pada masa sekarang sebab sememangnya penerbit-penerbit Melayu kekurangan dalam serba-serbinya, dan tidak lagi “kalau perlu” tetapi “sudah perlu”, dan sudah saatnya supaya kedudukan penerbit-penerbit Melayu satu-persatu diselidiki, disiasat dan dilaporkan kepada kerajaan supaya ia mendapat keistimewaan, menjadikannya berkebolehan, dalam menjalankan segala kerja dan usaha-usaha di dalam penerbitan – tidak seperti sekarang penerbit-penerbit Melayu nampaknya seolah-olah kerakap tumbuh di batu – tidak dipedulikan, hidupkah dia atau matikah ia adanya.

*

*

*

Darihal Kita.

Terlebih dahulu kami mengucapkan selamat berpuasa kepada sekalian pembaca-pembaca kita dan mudah-mudahan puasa kita itu diterima Tuhan dan Tuhan memberikan rahmat-Nya kepada kita bersama.

Dengan peluang *yawm al-mubāarak* ini maka kita dengan sukacita menyatakan kepada pembaca-pembaca bahawa dalam keluaran yang akan datang majalah Qalam akan ditambah muka-mukanya kerana akan diadakan ruangan khusus untuk wanita-wanita – ruangan yang mengenai hukum-hukum dan kewajipan bagi wanita dan juga ruangan khusus menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada wanita-wanita yang diutamakan mengenai perkara-perkara yang berkaitan diantaranya dengan agama Islam.

Ruangan wanita ini kita terbitkan ialah mengganti daripada cita-cita kita hendak menerbitkan majalah wanita khusus pada masa-masa yang telah lalu, yang hingga ini belum dapat kita laksanakan berhubung dengan kerja-kerja yang banyak.

Dengan bertambah ruangnya dan bertambah kandungan halamannya yang disertai pula dengan naiknya harga kertas dari satu ke satu masa juga dengan upah-upah yang tinggi maka sekalipun hal ini kita pandang sebagai satu khidmat maka kita terpaksa menaikkan harga majalah ini mulai dari keluarannya yang akan datang dari 60 puluh sen kepada 70 puluh sen senaskhah. Kenaikan harga dimulai dari keluaran menyambut Hari Raya - keluaran hadapan ini. Kita berharap pembaca-pembaca kita memberi timbangrasa di dalam perkara ini untuk kebajikan bersama; dan kita berharap pula wanita-wanita agama menyokong dan membantu ruangan ini supaya dapat dilaksanakan dengan baik iaitu dengan memberi fikiran, tulisan dan seumpamanya. Mudah-mudahan Allah memberi petunjuk kepada kita bersama di dalam perkembangan kita menambah ruangan wanita yang menjadi tanggungjawab kita bersama-sama.